

28 OCT 1996

WANITA UMNO DISUSUN SEMULA, BIRO BARU DITUBUH

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akan disusun semula termasuk dengan penubuhan enam biro baru bagi meningkatkan lagi daya usaha anggotanya dalam bidang perdagangan dan pentadbiran.

Sehubungan itu, Ketua pergerakan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh beliau sendiri akan ditubuhkan bagi melaksanakan tujuan itu.

"Penyusunan semula ini perlu dijalankan di setiap peringkat agar dapat memantapkan lagi struktur organisasi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Exco pergerakan itu selepas pemilihan Umno baru-baru ini di sini hari ini.

Zaharah yang dipilih sebagai Ketua baru pada pemilihan itu berkata, Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan persetujuannya mengenai penubuhan biro baru dan jawatankuasa khas itu.

Menurutnya, biro berkenaan ialah Biro Pengurusan yang akan dipengerusikan Datuk Napsiah Omar, Pembangunan dan Industri (Raja Ropiah Raja Abdullah), Tenaganita (Datuk Maznah Hamid), Kesihatan (Sabariah Ahmad), Pembangunan Bandar dan Perumahan (Faridah Abu Hassan) dan Pembangunan Luar Bandar (Melati Ali).

Biro lain ialah Biro Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (dipengerusikan oleh Siti Zaharah), Pendidikan (Napsiah), Agama (Zaleha Hussin), Pembangunan Ekonomi dan Usahawan (Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Ahmad Rafea), Belia dan Sukan (Datuk Sharizat Abdul Jalil), Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan (Ainon Khariyah Datuk Mohd Abbas), Pembangunan Sosial (Datuk Norjan Khan Bahadar), Pertanian (Datin Atkah Abdullah), Projek Khas-Darul Saadah (Tok Puan Wan Asiah Wan Ahmad), Pentadbiran (Zuraidah Musib), Kewangan (Azizah Samad) dan Pengerangan (Datin Paduka Fatimah Suhaimi).

Zaharah berkata antara pembaruan lain dalam penyusunan mula struktur organisasi itu ialah penubuhan Briged Srikandi di setiap peringkat pergerakan itu, katanya.

Briged itu bertujuan membuka peluang kepada generasi muda turut berkecimpung dalam aktiviti politik.

Zaharah juga mengumumkan perlantikan tiga anggota Exco baru, menjadikan jumlah keanggotaan dalam Exco Wanita Umno sebanyak 18 orang. Mereka ialah Latifah Omar, Sayrifah Aminah Bee Syed Mohamad dan Datuk Dayang Mahani Tun Ahmad Rafea.

Pada mesyuarat itu juga, barisan baru kepimpinan pergerakan itu mengangkat sumpah jawatan masing-masing. -- BERNAMA

WE NMO